

SOALAN LAZIM

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 10 TAHUN 2011 IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI KEDUA TAHUN 2011

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
1.	Sistem Saraan Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan (JKK, SSB dan SSM) yang masih berkhidmat dalam tahun 2011 dan genap sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut atau lebih.	Layak mengikut tempoh perkhidmatan.
2.	Kontrak Pegawai lantikan kontrak Perkhidmatan Awam Persekutuan (<i>Contract of Service/ Contract For Service</i>) yang dilantik ke jawatan tetap/ sementara/ kontrak dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan tertakluk kepada pegawai telah berkhidmat dalam tempoh sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut atau lebih dan berada dalam perkhidmatan pada tahun 2011.	Layak mengikut tempoh perkhidmatan.
3.	Bertukar Skim Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dilantik ke skim perkhidmatan lain dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan.	Layak mengikut tempoh perkhidmatan.
4.	Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri/ Pihak Berkuasa Berkanun/ Pihak Berkuasa Tempatan yang dilantik ke skim perkhidmatan lain dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan.	Layak mengikut tempoh perkhidmatan.

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
5.	Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dilantik ke skim perkhidmatan lain dalam Perkhidmatan Awam Negeri/ Pihak Berkuasa Berkanun/ Pihak Berkuasa Tempatan.	Layak mengikut tempoh perkhidmatan tertakluk kepada penerimaan pemakaian pihak Perkhidmatan Awam Negeri/ Pihak Berkuasa Berkanun/ Pihak Berkuasa Tempatan.
6.	<p>Pengkorporatan/ Penswastaan dan Pengasingan</p> <p>Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di agensi awam yang dikorporatkan/ diswastakan atau diasingkan saraannya dan memilih untuk kekal dalam JKK/ SSB/ SSM.</p>	Layak mengikut tempoh perkhidmatan.
7.	Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di agensi awam yang dikorporatkan/ diswastakan atau diasingkan saraannya dan memilih sistem saraan syarikat/ pengasingan.	Tidak Layak.
8.	<p>Meletak Jawatan/ Berhenti/ Ditamatkan Perkhidmatan</p> <p>Meletak jawatan/ berhenti/ ditamatkan perkhidmatan dalam tahun 2011.</p>	<p>Tidak layak.</p> <p>Pegawai yang telah dibayar pada bulan Ogos 2011 tidak perlu dikutip semula.</p>
9.	<p>Pelarasan Gaji</p> <p>Sebarang urusan perkhidmatan yang tarikh kuat kuasanya dikebelakangkan dan memberi kesan ke atas amaun gaji pegawai selepas 31 Disember 2011.</p>	<p>Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi tidak diselaraskan.</p>
10.	Dalam keadaan di mana sesuatu keputusan dasar pelarasan gaji dalam tahun semasa masih tidak dilaksanakan kerana kelewatan pentadbiran.	Layak diberi pelarasan Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi.

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
	<p>Syarat Kelayakan</p>	
11.	Pegawai yang berkhidmat dalam tahun 2011 dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh tersebut	Layak.
12.	Pegawai yang dilantik pada/ selepas 3 Disember 2011.	Tidak layak kerana berkhidmat kurang satu (1) bulan perkhidmatan. Pegawai yang dilantik pada/ sebelum 2 Disember 2011 sahaja layak dibayar mengikut tempoh perkhidmatan.
13.	Pegawai diluluskan Cuti Menjaga Anak atau Cuti Tanpa Gaji sepanjang tahun 2011.	Tidak layak.
14.	Pegawai dilantik pada 1 Disember 2011 telah menggunakan kemudahan Cuti Sakit pada 6 Disember 2011 dan 7 Disember 2011.	Layak kerana Cuti Sakit atau Cuti Rehat boleh diambil kira dalam pengiraan tempoh perkhidmatan.
15.	Kakitangan Ambilan Tempatan (KAT).	<p>KAT yang berkhidmat dalam tahun 2011 dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya genap 30 hari perkhidmatan atau lebih layak dibayar Imbuan Tahunan.</p> <p>Walau bagaimanapun, bagi KAT yang terikat dengan <i>contractual bonus</i> yang dikuatkuasakan oleh undang-undang negara tempatan, pemberian imbuan tahunan ini adalah tidak terpakai kecuali kadar <i>contractual bonus</i> tersebut lebih rendah daripada imbuan tahunan mengikut pekeliling perkhidmatan ini.</p>
16.	Pegawai yang bersara antara 1 Januari 2011 hingga 8 Ogos 2011.	Layak dibayar Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi secara <i>proportionate</i> berdasarkan bilangan hari yang layak dalam tahun 2011 di mana jumlah patut terima hendaklah diselaras dengan membuat potongan Bayaran Khas Pesara sebanyak RM1,000.00 yang telah dibayar oleh Bahagian Pasca

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
		Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu RM500.00 bagi bulan Ogos 2011 dan RM500.00 bagi bulan Disember 2011 tertakluk kepada minimum RM1,000.00.
17.	Pegawai yang bersara antara 9 Ogos 2011 hingga 31 Disember 2011.	Layak dibayar Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi secara <i>proportionate</i> berdasarkan bilangan hari yang layak dalam tahun 2011, di mana jumlah patut terima hendaklah diselaras dengan membuat potongan amaun Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi yang telah dibayar pada bulan Ogos 2011 dan Bayaran Khas Pesara sebanyak RM500.00 yang dibayar oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam pada bulan Disember 2011 tertakluk kepada minimum RM1,000.00.
18.	Syarat Pembayaran Asas gaji yang perlu digunakan bagi pembayaran Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi.	Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi dibayar berasaskan gaji bulan Disember 2011 atau gaji akhir yang diterima pada tahun 2011.
19.	Pengiraan kelayakan Imbuan Tahunan berasaskan sebulan gaji pegawai (jumlah patut terima) kurang daripada RM1,000.00.	Sekiranya jumlah patut terima kurang daripada RM1,000.00, pegawai layak dibayar kadar minimum RM1,000.00.
20.	Kontrak perkhidmatan Pekerja Sambilan Harian (PSH)/ Pekerja Sambilan.	(i) Tempoh kontrak Perkhidmatan PSH yang masih berkuat kuasa dalam tahun 2011 tetapi tidak genap satu (1) bulan perkhidmatan layak Imbuan Tahunan 2011 di atas kadar RM1,000.00 tertakluk kepada pematuhan terhadap syarat-syarat berikut:

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
		<p>a) tempoh perkhidmatan dalam kontrak terdahulu (sebagai Pegawai Sambilan) dibenarkan untuk diambil kira bagi tujuan pengiraan kelayakan pemberian Imbuhan Tahunan 2011; dan</p> <p>b) kontrak perkhidmatan pegawai hanya terputus selama satu (1) hari sebelum disambung semula.</p> <p>(ii) Kontrak pegawai sebagai Pekerja Sambilan masih berkuat kuasa pada tahun 2011 layak Imbuhan Tahunan Tahun 2011 di atas kadar RM1,000.00 tertakluk kepada syarat yang ditetapkan di perenggan 4 dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2011. Ini selaras dengan perenggan 12 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2011 yang memberi pengecualian kepada Ketua Jabatan meneruskan perkhidmatan pegawai yang kontraknya masih berkuat kuasa pada 9 Mac 2011 sehingga tempoh kontrak tersebut tamat.</p>
21.	Kelayakan Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi bagi pegawai yang dalam prosiding rayuan tatatertib?	<p>Perenggan 6 Pekeliling Perkhidmatan Bil 10 Tahun 2011 menjelaskan bahawa pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada amaran dalam tahun 2011 tidak layak menerima Imbuhan Tahunan. Perenggan 7 pekeling perkhidmatan yang sama menjelaskan bahawa pegawai yang telah dikeluarkan surat pertuduhan ditangguhkan pemberian Imbuhan Tahunan sehinggalah Pihak Berkuasa Tatatertib membuat keputusan ke atas pegawai. Pegawai akan dibayar Imbuhan Tahunan jika didapati tidak bersalah atau hanya dikenakan hukuman amaran setelah Pihak Berkuasa Tatatertib membuat keputusan.</p>

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
		<p>Bagi pegawai yang sedang di dalam prosiding rayuan tatatertib, sekiranya pegawai tersebut mengemukakan rayuan bagi hukuman selain daripada amaran, pembayaran Imbuhan Tahunan ditangguhkan sehingga Pihak Berkuasa Rayuan Tatatertib membuat keputusan ke atas rayuan pegawai.</p> <p>Situasi berkaitan keputusan Pihak Berkuasa Rayuan dan status pembayaran Imbuhan Tahunan adalah seperti di Jadual 1 di bawah:</p>

Jadual 1: Situasi Berkaitan Keputusan Pihak Berkuasa Rayuan Dan Status Pembayaran Imbuhan Tahunan

Bil	Keputusan Pihak Berkuasa Rayuan	Status pembayaran
1	Mengesahkan dan mengekalkan hukuman.	Pegawai tidak layak dibayar Imbuhan Tahunan.
2	Mengesahkan hukuman tetapi mengubah hukuman kepada hukuman yang lebih ringan (selain daripada Amaran).	Pegawai tidak layak dibayar Imbuhan Tahunan.
3	Mengesahkan hukuman tetapi mengubah hukuman kepada hukuman yang lebih ringan (Amaran).	Pegawai layak dibayar Imbuhan Tahunan.
4	Mengakas keputusan hukuman dan membebaskan perayu.	Pegawai layak dibayar Imbuhan Tahunan.
5	Menghantar balik kes kepada Lembaga Tatatertib untuk ditimbang semula (remit).	Ditangguhkan pembayaran Imbuhan Tahunan sehingga Lembaga Tatatertib memutuskan hukuman ke atas pegawai. Penentuan pembayaran Imbuhan Tahunan ini akan dibuat selaras perenggan 7 PP Bil...../2011.